

Menutup aurat tak langgar hak asasi

Penampilan ikut syariat angkat kedudukan wanita Muslim

Mutakhir ini, isu wanita Muslim dikatakan diberi pilihan supaya tidak bertudung oleh bakal majikan jika hendak diambil berkerja menjadi perbualan di mana-mana. Namun, ramai tidak menyedari, sehingga hari ini, terdapat wanita Muslim yang masih terbelenggu dengan syarat memakai pakaian kerja atau 'uniform' khas yang masih tidak menepati syariat sepenuhnya. Peliknya, hal ini tidak pula dipersoalkan, seolah-olah menutup aurat itu lengkap dengan hanya bertudung.

Hakikatnya, penampilan wanita Muslim yang menutup aurat kerana agama tidak melanggar atau mengganggu hak asasi orang lain, apatah lagi membataskan sesuatu kerja dilakukan. Malahan ia turut membantu membina masyarakat yang lebih terhormat dan bermoral tinggi.

Hak asasi sinonim kebebasan hidup

Hak asasi adalah perkataan sangat sinonim dengan kebebasan hidup untuk melakukan atau menuntut apa saja, hatta melanggar prinsip, etika, norma, undang-undang dan hukum. Tetapi umat Islam perlu memahami hak ini dalam konteks berpaksikan agama dan mengakui hakikat kehambaan dan keesaan Ilahi serta kemampuan manusia yang terbatas.

Sebab itulah, hak dikurniakan Allah SWT ke atas manusia bukan hak mutlak, sebaliknya terbatas dengan beberapa syarat perlu dituruti. Sungguhpun begitu, ia tidak bermakna manusia tidak mendapat kebebasan asasi dalam konteks kehidupan di dunia, tetapi ia bertujuan menjaga akidah, keamanan dan kemajuan serta menjamin kesudahan yang lebih baik di akhirat kelak.

Walaupun agama mengiktiraf hak asasi manusia lama sebelum ia didokumenkan, Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu meng-

isytharkan dan menerima pakai Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR) sejak 10 Disember 1948 berasaskan empat tunggak, iaitu kebebasan daripada ketakutan, kebebasan daripada kemahuan, kebebasan bersuara dan kebebasan kepercayaan yang merangkumi perkara sivil, politik, ekonomi, sosial dan kebudayaan.

Malaysia perakui UDHR

Malaysia memperakui semua peruntukan dalam UDHR ini selagi ia tidak bertentangan dengan peruntukan kebebasan asasi dalam Perlembagaan Persekutuan negara ini. Beberapa cendekiawan Islam terkemuka mengkaji dan mendokumenkan hak-hak asasi berteraskan al-Quran dan Sunnah dalam Perisytiharan Hak Asasi Manusia Oleh Majlis Islam Sedunia (Universal Islamic Declaration of Human Rights) yang menjadi rujukan dunia Islam dalam peruntukan undang-undang di negara masing-masing termasuklah soal kesamarataan antara lelaki dan wanita dan larangan terhadap diskriminasi yang tidak diizinkan.

Pada 1979, Konvensyen Berkaitan Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) yang juga undang-undang wajar bagi melindungi hak-hak asasi wanita dibawa ke Perhimpunan Umum Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan penggunaannya berkuatkuasa pada 3 September 1981.

Manakala penerimaannya di Malaysia adalah pada 5 Julai 1995 dengan beberapa penambahbaikan terhadap peruntukan bercanggah dengan hukum syarak dan Perlembagaan.

Pada zaman jahiliah, kaum wanita dianggap golongan 'yang lain' iaitu



Penampilan wanita Muslim yang menutup aurat tidak melanggar atau mengganggu hak asasi orang lain.

AL-QURAN

"Akuilah kesucian Allah, Tuhan yang mencipta makhluk-makhluk semuanya berpasangan sama ada dari yang ditumbuhkan oleh bumi atau dari diri mereka ataupun dari apa yang mereka tidak dapat mengetahuinya."

Surah al-Maidah (ayat 42)

yang tidak setara dengan kaum lelaki, malah dianggap sebagai objek pemuas nafsu semata-mata yang diciptakan sebagai hidangan penyegar di dunia.

Wanita juga dianggap pembawa sial, boleh dikongsi dan bukan hak milik peribadi selain boleh dijual beli. Sebab itulah kelahiran bayi perempuan amat memalukan kedua ibu bapa, lalu anak yang baru

lahir ditanam hidup-hidup.

Mujur kehadiran Rasulullah SAW membawa cahaya menerangi kehidupan kaum wanita, sehingga diberi kedudukan setaraf, mulia dan terhormat seperti kaum lelaki, melainkan dalam hal yang membabitkan fitrah penciptaan lelaki dan wanita yang tidak boleh disamakan.

Sehinggalah hari ini dunia melihat kaum wanita dalam banyak hal seiring atau menandingi kaum lelaki sama ada dalam bidang akademik, pengurusan, pentadbiran, ekonomi, politik dan sebagainya.

Rasulullah perjuang hak wanita

Jika Rasulullah SAW orang pertama memperjuangkan hak wanita di dunia sejajar dengan kehendak wahyu, ramai pula yang meremehkan kaum wanita sehingga menjadi mangsa diskriminasi, bahkan adakalanya wanita sendiri meletakkan diri mereka serendah-

rendahnya dengan memperjudikan akhlak dan sahsiah serta mempersoalkan hukum hakam ditetapkan ke atas mereka dengan alasan diskriminasi.

Diskriminasi seperti ini tidak seharusnya berlaku di negara ini dan ia harus ditangani sekiranya ia benar berlaku. Sebagai makhluk ciptaan Allah SWT yang fitrahnya lemah lembut, penuh keibuan dan emosi, maka wajarlah kaum wanita dipelihara dan dilindungi.

Allah berfirman dalam Surah Yaasin, ayat yang ke-36, bermaksud: "Akuilah kesucian Allah, Tuhan yang mencipta makhluk-makhluk semuanya berpasangan sama ada dari yang ditumbuhkan oleh bumi atau dari diri mereka ataupun dari apa yang mereka tidak dapat mengetahuinya."

Wawasan, gagasan dan seruan negara direalisasikan melalui pelbagai suara agar kaum wanita dihormati dan dipelihara dengan melindungi mereka dengan menyempurnakan tanggungjawab serta membahagiakan mereka, sama ada mereka seorang ibu, isteri, anak mahupun pekerja dan rakyat jelata.

Tidak sukar membahagiakan wanita walaupun kebahagiaan kaum wanita adalah asas untuk membahagiakan negara. Jika Allah SWT tidak membezakan antara lelaki dan wanita dalam janji-Nya untuk memberi ganjaran (dosa dan pahala) dalam setiap amal yang dilakukan, mengapa pula sesama manusia wanita dipandang sebelah mata?



→
NIK SALIDA SUHAILA NIK SALEH

Pensyarah Kanan
Fakulti Syariah dan
Undang-Undang
Universiti Sains
Islam Malaysia